

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

KESEDIAAN PENSYARAH DALAM MENERIMA PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS

Oleh:


Nor Fadzilah Binti Zainal, Nor Hidayah Binti Harun dan Siti Nur Fathini Binti Muhsain
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



Photo by Josh Appel on Unsplash

eISSN 2600-9811 Kesianan Pensyarah Menerima Pelajar Berkeperluan Khas **155**

Musim graduasi telah melabuhkan tirainya. Ramai graduan yang telah berjaya melakar kejayaan dalam bidang masing-masing. Ini termasuk graduan orang kurang upaya (OKU) yang kini semakin ramai telah berjaya menggenggam segulung ijazah. Pada tahun 2019 sahaja seramai 1,017 graduan berstatus OKU telah dikeluarkan oleh IPT tempatan yang mana 287 orang graduan OKU dari universiti awam (UA) dan diikuti 245 orang dari IPTS (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2020a). Selebihnya graduan OKU dari Politeknik, Institut Latihan Kemarin Awam (ILKA) lain dan IPT lain. Perkara ini jelas menunjukkan kekurangan diri bukanlah penghalang bagi pelajar OKU untuk mendapat pendidikan yang setaraf dengan pelajar lain.




Rajah 1: Jumlah Graduan Berstatus OKU Tahun 2019

Sumber: Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2019

Pendidikan adalah hak asasi semua manusia yang mana semua individu di dunia ini mempunyai hak untuk belajar dan mengetahui sesuatu. Akta OKU 2008 juga telah menyatakan dengan jelas dimana kanak-kanak berkeperluan khas berhak memperoleh peluang pendidikan yang sama rata tanpa diskriminasi atau dikecualikan. Justeru, sistem pendidikan di Malaysia telah melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Kepentingan

PPI ini ditekankan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (MEB) 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah) dan 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bagi memberi peluang kepada golongan OKU menjalani pengajian dengan lebih baik bermula daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). PPI dilaksanakan untuk memberi peluang pendidikan yang sama rata kepada semua murid tanpa mengira ketidakupayaan dan kecacatan mereka yang mana murid berkeperluan khas akan belajar bersama-sama dengan murid biasa dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Kategori kanak-kanak berkeperluan khas yang terlibat dalam pendidikan ialah kategori masalah fizikal (cacat anggota), masalah emosi dan tingkah laku (Autisma dan ADHD), masalah pembelajaran khusus Disleksia (Dyslexia) serta masalah penguasaan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira (Abdullah, 2017). Selain itu, PPI ini juga terbahagi kepada dua jenis iaitu pendidikan inklusif penuh dan pendidikan inklusif separa (integrasi), (Rajah 2).




Rajah 2: Jenis Program Pendidikan Inklusif

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagi memperkasakan PPI diperingkat IPT, kesemua 20 universiti awam di

seluruh negara wajib melaksanakan Dasar Inklusif orang Kurang Upaya (OKU) dan menubuhkan Unit Perkhidmatan OKU bermula sesi kemasukan pelajar 2019/2020 (Sinar Harian, 5 September 2019). Susulan itu, Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif OKU di IPT turut dihasilkan bagi membantu pihak IPT mencapai matlamat Pendidikan Inklusif seperti yang dihasratkan. Salah satu langkah yang telah digariskan dalam panduan tersebut ialah mewujudkan persekitaran akademik yang kondusif iaitu fokus kepada pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran dan penilaian, peralatan dan teknologi pendidikan dan tempoh pengajian.



Rajah 3: Bilangan Enrolmen Pelajar OKU Berdasarkan Universiti Awam 2015-2020
Sumber: Statistik Pendidikan Tinggi Pelbagai Tahun: Kementerian Pendidikan Malaysia

Merujuk kepada Rajah 3, graf bilangan enrolmen pelajar OKU di universiti awam menunjukkan penurunan bermula dari tahun 2016 hingga 2020 (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2020b). Hal ini mungkin boleh dikaitkan dengan faktor kejayaan pelaksanaan pendidikan inklusif. Ini kerana kejayaan pelaksanaan pendidikan inklusif ini memerlukan sokongan yang padu dari semua pihak, terutamanya para pendidik di sekolah-sekolah mahupun di IPT. Namun begitu, kesediaan para pensyarah dalam menerima pelajar berkeperluan khas ini masih lagi tidak menyeluruh dan ianya merupakan isu yang tidak boleh dipandang ringan. Antara faktor kepada isu ini ialah

kesedaran dan pengetahuan pensyarah yang kurang mengenai pendidikan inklusif. Pensyarah kurang jelas bagaimana pendidikan inklusif itu dilaksanakan dan dipantau dari peringkat sekolah rendah lagi hingga ke peringkat IPT.

Majoriti pensyarah di IPT terdiri daripada golongan bukan OKU, maka ada pensyarah yang kurang peka terhadap keperluan dan sensitiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan pelbagai kategori OKU. Apabila hal ini terjadi, menjadi satu kekangan kepada pensyarah untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan itu dapat disampaikan dengan berkesan kepada pelajar OKU dan yang bukan OKU. Selain itu, perkara ini turut

menyebabkan pensyarah sukar untuk memberi penyesuaian munasabah dalam pelaksanaan ujian dan penilaian terhadap pelajar OKU. Mungkin akan berlakunya ketidakadilan dari segi penilaian dan permarkahan yang akan diberikan kepada pelajar OKU dan yang bukan OKU.

Kelewatan dalam mendapatkan maklumat

lengkap mengenai pelajar OKU juga merupakan salah satu faktor kepada isu ini. Penyaluran maklumat mengenai pelajar OKU kepada pensyarah yang terlibat perlu cepat dan tepat. Ini bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Seterusnya dengan adanya maklumat yang lengkap ini, kemudahan pembelajaran pelajar OKU dan saluran bantuan yang bersesuaian turut dapat diberikan dengan segera. Penyediaan persekitaran yang lengkap dengan kemudahan pembelajaran pelajar OKU ini dapat meningkatkan potensi pelajar OKU dengan lebih optimum.

Sebagai seorang pendidik, adalah menjadi tanggungjawab untuk bersedia walau dalam apa jua keadaan pelajar kerana semua pelajar adalah amanah Allah yang perlu diperlakukan dengan baik dan adil. Jiwa pendidik yang bersifat empati yang

tinggi dan sentiasa peka ini amat perlu bagi memastikan semua pelajar termasuk pelajar OKU cemerlang dalam pelajaran dan juga sahsiah. Sekiranya hal ini tidak ada dalam diri seorang pendidik, keadaan ini boleh membawa kepada diskriminasi dan seterusnya boleh menggagalkan proses pembelajaran inklusif di IPT. Sebagai kesimpulan, walaupun pelajar OKU mempunyai kekurangan, namun mereka tetap mempunyai perasaan dan cita-cita yang sama seperti pelajar lain untuk mempunyai kerjaya dan kehidupan yang baik di masa hadapan.

Rujukan

Abdullah, S. A. K. (2017). Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-murid Berkeperluan Khas di Malaysia. Jurnal Kurikulum BPK, October, 1-17. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2020a). Laporan kajian Pengesanan

Graduan 2020.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2016). Statistik Pendidikan Tinggi 2020 : Kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2018). Statistik Pendidikan Tinggi 2020 : Kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2019). Statistik Pendidikan Tinggi 2020 : Kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2020b). Statistik Pendidikan Tinggi 2020 : Kementerian Pengajian Tinggi. Bernama. (2019, 5 September). Semua Universiti Awam Wajib Laksana Dasar Inklusif OKU. Sinar Harian Online. Bahan diakses pada 1 April 2022, daripada . <https://www.sinarharian.com.my/article/46644/BERITA/Nasional/Semua-universiti-awam-wajib-laksana-Dasar-Inklusif-OKU>



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com